

04/05/2002

80 peratus syarikat milik Muslim tidak bayar zakat (HL)

Rosniza Mohd Taha

KUALA LUMPUR, Jumaat - Lebih 80 peratus syarikat yang mempunyai pegangan saham majoriti Muslim di seluruh negara, tidak membayar zakat perniagaan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan menggiatkan dakwah bagi mengingatkan usahawan Islam mengenai kewajipan menunaikan zakat perniagaan.

Mengikut hukum Islam, mana-mana syarikat yang mempunyai pemegang saham Muslim, walaupun seorang, wajib membayar zakat perniagaan.

Perkara ini dijelaskan bekas Mufti Wilayah Persekutuan dan Imam Masjid Putra Jaya, Tan Sri Abdul Kader Talib.

Beliau yang dihubungi malam ini, bagaimanapun berkata zakat perniagaan itu wajib dibayar sekiranya syarikat itu memenuhi dua syarat.

"Pertama, syarikat berkenaan sudah setahun beroperasi dan perniagaan yang dijalankan halal serta tidak menyalahi undang-undang Islam.

"Kedua, kadar zakat yang dikeluarkan bergantung kepada nilai emas di Bank Negara. Contohnya, jika keuntungan berjumlah RM4,000, syarikat perlu mengeluarkan zakat perniagaan pada kadar dua setengah peratus setahun," katanya.

Beliau berkata, walaupun kerajaan tidakewartakan perkara ini sebagai undang-undang, syarikat terutama yang majoriti pemegang sahamnya muslim, wajib menunaikan tanggungjawab itu apabila memenuhi syarat berkenaan.

Terdahulu, Abdul Hamid yang ditemui pemberita selepas menerima cek bayaran zakat perniagaan daripada lima syarikat di sini pagi ini, berkata kerajaan tidak bercadang mewajibkan syarikat terbabit membayar zakat perniagaan.

"Bukan semua perkara perlu dijadikan undang-undang. Kita lebih selesa jika kewajipan berzakat ini ditunaikan dengan sukarela dan penuh kesedaran," katanya.

Abdul Hamid yang juga Pengerusi Majlis Agama Wilayah Persekutuan (MAIWP), bagaimanapun berkata fungsi institusi zakat akan ditingkatkan supaya dapat memberi sumbangan lebih berkesan dalam pembangunan sosio-ekonomi umat Islam.

"Kita masih memperincikan pelbagai kaedah bagi memantapkan institusi zakat termasuk penyelarasan kaedah pungutan zakat di seluruh negara menerusi penubuhan Lembaga Urusan Zakat Malaysia (Luzam).

"Jalinan kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan dan swasta termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) juga dalam perundingan bagi meningkatkan hasil kutipan terutama zakat pendapatan," katanya.

Dalam ucapannya, Abdul Hamid berkata kejayaan Malaysia mewujudkan institusi zakat dengan sistem kutipan teratur dan agihan adil menjadi contoh negara Islam lain.

Kutipan zakat setakat Januari hingga April tahun ini berjumlah RM17.8 juta dengan bilangan pembayar kira-kira 18,050 orang.

Jumlah ini melebihi sasaran kutipan RM16 juta bagi tempoh itu iaitu 26 peratus daripada jumlah keseluruhan sasaran kutipan tahun ini.

Pada majlis itu, beliau menerima cek bayaran zakat perniagaan berjumlah RM1.9 juta daripada lima syarikat bagi pihak Pusat Pungutan Zakat MAIWP. Turut hadir, Pengerusi Pusat Pungutan Zakat, Datuk Abdul Rahim Abu Bakar.

Lima syarikat itu ialah Bank Islam Malaysia Bhd (RM1,205,205.16), Perumahan Kinrara Bhd (RM 629,963.40), Affin-ACF Finance Bhd (RM26,840), CIMB Discount House Berhad (RM21,329) dan Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd

(RM17,658.34).

Dalam perkembangan lain, Abdul Hamid berkata, Malaysia akan menjadi tuan rumah persidangan ketujuh Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada 5 hingga 8 Mei ini.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucap-tama pada hari ketiga persidangan dan upacara perasmian disempurnakan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

(END)